

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Gambar berikut menunjukkan sebuah organisasi.



- i) Nyatakan jenis organisasi tersebut. [1 markah]
- ii) Jelaskan tujuan organisasi tersebut ditubuhkan. [4 markah]
- iii) Apakah kaedah perniagaan yang sesuai bagi organisasi di 1(a)(i). [1 markah]

(b) Terangkan dua kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif. [4 markah]

2. (a) Gambar 1 dan gambar 2 menunjukkan dua jenis pengangguran.

Struktur Ekonomi Negara

<p>Sektor Utama -melibatkan aktiviti pengekstrakan sumber semula jadi</p> <p>Contoh : Perlombongan, pertanian</p>	<p>Sektor Kedua - melibatkan pemprosesan bahan mentah untuk menghasilkan barang siap</p> <p>- Contoh : Perkilangan, pembinaan</p>
--	--

Gambar 1

Pertumbuhan Ekonomi dan Kitaran Perniagaan

KDNK benar

Arah aliran pertumbuhan dalam KDNK benar

Masa

Gambar 2

- i) Nyatakan dua jenis pengangguran yang mungkin wujud seperti yang ditunjukkan dalam gambar 1 dan gambar 2. [2 markah]
- ii) Terangkan kedua-dua jenis pengangguran yang anda nyatakan di 2 (a) ii) [4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan pekerja.

Daniel baru sahaja menamatkan pengajian dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektrik dan kini sedang mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusannya. Selain mempunyai kelulusan akademik Daniel juga mahir dalam bidang komunikasi dan perisian komputer. Hal ini kerana beliau pernah bekerja dengan syarikat swasta secara separuh masa semasa belajar.

Jelaskan kemahiran keboleherjaan yang ada pada Daniel untuk mendapatkan pekerjaan?


[4 markah]

3. (a) Rajah di bawah menunjukkan suatu aktiviti yang dijalankan dalam bahagian fungsian X.



- i) Apakah bahagian fungsian X? [1 markah]
- ii) Nyatakan tiga peranan bahagian fungsian X? [3 markah]

(b) Rajah di bawah berkaitan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.



Jelaskan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan bagi A, B dan C.

[6 markah]

4. Situasi berikut menunjukkan seorang usahawan produk berasaskan makanan.

Encik Shahrul bercadang untuk mengeluarkan produk baharu iaitu jeruk buah mangga asam boi untuk memenuhi kehendak penduduk negeri Melaka. Produk tersebut akan dijual di sekitar bandar Melaka, Jasin dan Alor Gajah. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat, beliau juga bercadang untuk menjual produk tersebut secara dalam talian.

- a) Jelaskan jenis sumber fizikal yang diperlukan Encik Shahrul. [4 markah]
- b) Nyatakan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan. [2 markah]
- c) Gambar di bawah menunjukkan bangunan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



Jelaskan dua peranan kerajaan pusat dalam membantu perniagaan dari aspek perundangan.

[4 markah]

- 5. (a) Amirul merupakan seorang usahawan berjaya.
Senaraikan sumbangan Amirul kepada masyarakat. [3 markah]
- (b) Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan? [4 markah]
- (c) Senaraikan kepentingan menyediakan rancangan kewangan kepada usahawan. [3 markah]

6. Maklumat berikut merupakan penyata aliran tunai bagi Syarikat View True Enterprise.

View True Enterprise
Penyata Aliran Tunai bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Disember 2019

	Okt RM	Nov RM	Dis RM
Baki b/b	100 000	A	96 980
<hr/>			
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80 000	B	90 000
Pinjaman	10 000	20 000	-
Jumlah penerimaan	90 000	100 000	G
<hr/>			
PEMBAYARAN			
Pembelian bahan mentah	40 000	50 000	55 000
Gaji	C	10 000	10 000
Perbelanjaan sewa	2 000	2 000	2 000
Faedah	1 520	500	H
Pembelian aset	20 000	-	-
Kos jualan	30 000	D	40 000
Jumlah pembayaran	100 520	92 500	107 500
<hr/>			
Lebihan (Kurangan)	(10 520)	7 500	E
<hr/>			
Baki h/b	F	96 980	79 480
<hr/>			

- a) Kirakan nilai bagi butiran A, B, C, D, E, F, G dan H [8 markah]
 b) Nyatakan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan [2 markah]

BAHAGIAN B


[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Inderawasih Sdn. Bhd. Yang mengeluarkan pelbagai sos makanan di Batu Pahat, Johor.

Bilangan pekerja	80 orang
Jumlah jualan tahunan	RM20 juta
Pasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Johor • Melaka • Pahang
Visi perniagaan	“Menjadi pembekal sos halal terkemuka di Malaysia”.

- a) Jelaskan klasifikasi perniagaan Syarikat Inderawasih Sdn. Bhd. [6 markah]
- b) Bagaimanakah MATRADE dapat membantu Syarikat Inderawasih Sdn. Bhd. menembusi pasaran global? [4 markah]
- c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang akan mempengaruhi pengurusan Syarikat Inderawasih Sdn. Bhd. dalam membuat perubahan visi perniagaan. [5 markah]
8. Rajah di bawah menunjukkan struktur organisasi Syarikat Lau Holding Sdn. Bhd.



- a) Setiap bahagian dalam struktur organisasi Syarikat Lau Holding Sdn. Bhd. mempunyai fungsi dan peranan masing-masing. Huraikan peranan setiap bahagian fungsian di atas. [8 markah]
- b) Jelaskan faktor-faktor penentu sistem penggajian dalam setiap organisasi. [7 markah]
9. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Norman, seorang usahawan.

Encik Norman baru sahaja memulakan perusahaan menghasilkan jersi bola sepak berjenama PUMA. Beliau mensasarkan sekolah di sekitar Perlis untuk saiz pasarannya.

- Jelaskan empat faktor penyumbang untuk Encik Norman memulakan perniagaannya. [8 markah]
- (b) Nyatakan :
- i) Tiga jenis dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh Encik Norman. [3 markah]
- ii) Dua dokumen yang perlu digunakan dalam urus niaga kredit antara Encik Norman dengan pihak sekolah. [2 markah]
- (c) Encik Norman telah menyediakan rancangan perniagaan untuk memohon pembiayaan daripada Maybank Berhad untuk menambah modal perniagaannya. Nyatakan dua lagi pihak berkepentingan terhadap rancangan perniagaan. [2 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Jenama nasi Kak Wok telah menjadi mangsa ciplak. Perusahaan Nasi Kak Wok yang cukup terkenal di negeri Kelantan telah memberi amaran untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menggunakan jenama itu tanpa kebenaran.

Meskipun telah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) lima tahun lalu. Nasi Kak Wok tetap menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menciplak jenama itu bagi mengaut keuntungan mudah.

Perniagaan nasi campur ini mula bertapak lebih 30 tahun lalu dengan memiliki nama yang kukuh di negeri ini telah menyebabkan ramai yang menciplak dan menggunakan jenama itu. Nur Hayla Idris, pewaris perniagaan yang merupakan anak kepada Allahyarham Wok Hassan mengatakan bahawa jenama Nasi Kak Wok sudah dicitlak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga boleh didapati di seluruh negeri ini bahkan menular ke Kuala Lumpur dan Selangor.

Tambahnya lagi, dia menafikan sekeras-kerasnya bahawa cawangan Nasi Kak Wok tidak membuka cawangan lain termasuk di Kuala Lumpur selain daripada enam cawangan Nasi Kak Wok di sekitar Kota Bharu. Namun, ramai pihak yang menganggap ia perusahaan yang sama. Ada pihak yang membuat aduan kepada pihak berwajib supaya mengarahkan perusahaan Nasi Kak Wok membayar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana kononnya mereka memiliki puluhan cawangan seperti yang didakwa.

Oleh itu, Nur Hayla Idris telah menghubungi pihak berkuasa dan terpaksa beberapa kali ke pejabat kerajaan untuk menerangkan dan menunjukkan bukti bahawa hanya enam sahaja cawangan Nasi Kak Wok yang asal dan selain itu adalah tiruan.

Selain Jalan Telipot, cawangan Nasi Kak Wok terletak di Jalan Sultan Yahya Petra, Bandar Baru Kubang Kerian, Pasir Hor dan Bandar Satelit Pasir Tumboh. Nur Hayla juga berkata, lebih mengusutkan keadaan lagi, ada pihak cuba mengambil kesempatan dengan menjalankan aktiviti berhutang dan menyamar sebagai pemilik Nasi Kak Wok, sekaligus mencalarkan imej perusahaan itu.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Nyatakan jenis perniagaan Nasi Kak Wok. [1 markah]
- b) Terangkan empat kelebihan perusahaan Nasi Kak Wok. [4 markah]
- c) Jelaskan tiga bahagian fungsian yang terdapat dalam perniagaan Nasi Kak Wok. [9 markah]
- d) Jelaskan kesan kepada perniagaan Nasi Kak Wok akibat menjadi mangsa ciplak. [3 markah]
- e) Wajarkah Kak Wok menfrancaiskan perniagaan nasi beliau. Kemukakan alasan anda. [3 markah]